

**BAHAN KECEMERLANGAN
SPM 2015**

BK 1
SEJARAH
KERTAS 1

NAMA :

KELAS :

DIBIAYAI OLEH
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

**BAHAN KECEMERLANGAN 1
(TOV 2015)
SEJARAH SPM**

1249/1

Kertas 1
Februari
1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu, A,B,C dan D. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

SEJARAH

1 Apakah kesan daripada tindakan berikut kepada masyarakat Mesopotamia?

Orang Sumeria telah menebusguna tanah dan membina sistem pengairan di Mesopotamia bagi tujuan pertanian

- A Sering mengalami bencana alam
- B Sistem pertanian tradisional ditinggalkan
- C Kawasan petempatan semakin kecil
- D Penghasilan lebihan makanan

2 Apakah kesan kemajuan ilmu astronomi dan matematik kepada masyarakat Mesir Purba?

- A Penggunaan roda
- B Penciptaan kalender
- C Kemajuan ilmu pelayaran
- D Kewujudan bandar terancang

3 Masyarakat Indus telah menjalankan hubungan perdagangan dengan masyarakat Mesopotamia.

Apakah bukti arkeologi yang menyokong pendapat tersebut?

- A Cap mohor
- B Batu bersurat
- C Tembikar tanah
- D Gendang gangsa

4 Bagaimanakah falsafah legalisme yang diamalkan dalam tamadun China dapat membentuk masyarakat yang berdisiplin?

- A Kepimpinan melalui teladan
- B Menitikberatkan unsur kasih sayang
- C Perlaksanaan undang-undang yang tegas
- D Hubungan harmoni manusia dengan alam

5 Sukan Olimpik diperkenalkan pada zaman Yunani iaitu pada tahun 776 S.M

Apakah tujuan sukan tersebut diadakan?

- A Menghormati Tuhan Zeus
- B Memperkenalkan kehebatan individu
- C Menjalinkan hubungan antara negara kota
- D Mengumpul dana bagi memajukan negara

6 Apakah sumbangan kedua-dua tokoh di bawah kepada perkembangan tamadun masing-masing?

Tamadun	Tokoh
Tamadun Yunani	<i>Alexander the Great</i>
Tamadun Rom	<i>Augustus Caesar</i>

- A Penyebaran agama
- B Perluasan kuasa
- C Peningkatan ekonomi
- D Pembangunan bandar

7 Bagaimanakah Maharaja Asoka memastikan rakyat mengetahui dan mematuhi undang-undang semasa pemerintahannya?

- A Mewajibkan rakyat menghafal undang-undang
- B Membina banyak mahkamah di seluruh negara
- C Menulis semua undang-undang ke dalam buku
- D Mengukir undang-undang pada tiang batu

8 Pada zaman pemerintahan Raja Indravarman, kerajaan Angkor telah membina sistem pengairan yang mampu mengairi kawasan seluas 12.5 juta ekar.

Apakah kesan pembinaan tersebut?

- A Pertambahan kawasan petempatan
- B Keperluan beras negara mencukupi
- C Pengeluaran hasil hutan berkurangan
- D Kemajuan sistem pertanian pindah

9 Senarai berikut merujuk kepada kerajaan maritim yang terdapat dalam dalam tamadun awal di Asia Tenggara.

- Kedah Tua
- Srivijaya

Apakah persamaan kedua-dua kerajaan tersebut?

- A Pusat pengajian agama Hindu
- B Kawasan pertanian yang luas
- C Mementingkan perluasan kuasa
- D Ekonomi berdasarkan perdagangan

10 Konsep di bawah adalah kesan daripada pengaruh Hindu Buddha.

- Dewa-raja
- Orde kosmos

Apakah kepentingan konsep di atas terhadap pemerintahan kerajaan awal di Asia Tenggara?

- A Memperkuat kedudukan raja
- B Memastikan kemajuan kerajaan
- C Menjamin kesejahteraan rakyat
- D Memastikan keadilan dilaksanakan

11 Maklumat berikut berkaitan dengan perkataan yang telah mengalami penyesuaian dengan bahasa Melayu hari ini.

- Dukkha
- Samsara
- Phala

Perkataan tersebut berkaitan dengan pengaruh bahasa

- A Arab
- B Jawa
- C Pali
- D Sanskrit

12 Maklumat berikut berkaitan dengan amalan masyarakat pada zaman Jahiliah.

- Mementingkan suku kaum
- Mengamalkan sistem kabilah
- Mengamalkan hidup berpindah-randah

Apakah kesan daripada amalan di atas?

- A Kerajaan sering bertukar ganti
- B Kelemahan sistem kekeluargaan
- C Kemunculan semangat assabiah
- D Kegiatan ekonomi tidak berkembang

13 Nabi Muhammad SAW menerima wahyu kedua iaitu Surah al-Muddasir, ayat 1 hingga 7.

Apakah kepentingan surah tersebut?

- A Penghapusan unsur-unsur jahiliah di Makkah
- B Pelantikan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasulullah
- C Penghijrah Nabi Muhammad SAW ke Madinah
- D Pembacaan ditekankan dalam Islam

14 Mengapakah Empangan Maarib di Sabak, Tanah Arab mengalami keruntuhan?

- A Kelemahan teknologi
- B Serangan tentera Rom
- C Berlakunya banjir besar
- D Pemberontakan penduduk

15 Antara yang berikut, yang manakah janji orang Arab Madinah kepada Nabi Muhammad SAW dalam Perjanjian Aqabah Pertama?

- I Beriman kepada Allah dan Rasul
 - II Taat setia kepada Rasulullah sepenuhnya
 - III Sanggup berperang dengan orang Arab Quraisy
 - IV Tidak melakukan amalan-amalan jahiliah
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

16 Mengapakah penduduk Madinah menjemput Nabi Muhammad SAW berhijrah ke Madinah?

- A Menghapuskan orang Yahudi
- B Mempertahankan Madinah daripada serang musuh
- C Meredakan permusuhan mereka dengan orang Quraisy
- D Mengamankan masyarakat Madinah yang sentiasa bermusuhan

17 Mengapakah Nabi Muhammad SAW membina masjid al-Nabawi sebaik sahaja baginda tiba di Madinah?

- A Bukti ketibaan orang Islam
- B Tempat persinggahan musafir
- C Pusat kegiatan umat Islam
- D Lambang keimanan kepada Allah SWT

18 Bagaimanakah Khalifah Uthman bin Affan berjaya meluaskan wilayah Islam?

- A Memperkuatkannya armada laut
- B Menanam semangat jihad yang mendalam
- C Menggalakkan perkahwinan siasah
- D Mengadakan perjanjian persahabatan

19 Institusi berikut memainkan peranan penting semasa pemerintahan khalifah Harun al-Rashid

Baitulhikmah

Apakah peranannya?

- A Tempat ibadat
- B Pengagihan wang zakat
- C Penterjemahan karya sains
- D Tempat penyelidikan hadis Nabi Muhammad

20 Maklumat di bawah berkaitan dengan cara penyebaran Islam ke Eropah.

Maharaja John VI Cantacuzens menjalinkan perjanjian dengan Orhan dari kerajaan Turki Uthmaniyyah

Mengapa Maharaja berbuat sedemikian?

- A Membentuk empayar
- B Membentuk sistem republik
- C Menuntut takhta kerajaan Byzantine
- D Memberi perlindungan kepada Gereja Ortodoks

21 Apakah bukti kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari China?

- A Penemuan Batu Bersurat di Terengganu
- B Kewujudan kampung Ta Shih di Sumatera
- C Perkembangan tulisan Jawi di Nusantara
- D Persamaan batu nisan makam Malik al-Salih

22 Senarai berikut adalah tentang tokoh Islam terkemuka di Aceh

- Hamzah al-Fansuri
- Syeikh Syamsudin al-Sumaterani
- Syeikh Nurudin al-Raniri

Apakah tumpuan bidang karya mereka?

- A Perundangan
- B Kebebasan wanita
- C Pemikiran Islam
- D Perubatan dan falsafah

23 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan sastera di Asia Tenggara

Fungsi sastera telah berubah, iaitu dari tujuan untuk berhibur kepada tujuan untuk mengkritik.

Mengapakah berlaku keadaan seperti di atas?

- A Desakan pemerintah
- B Pengaruh kedatangan Islam
- C Perubahan pemikiran masyarakat
- D Memupuk rasa cintakan sastera

24 Antara yang berikut, yang manakah prinsip Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan?

- A Mengutamakan jurai keturunan ibu
- B Pemerintahan bercorak autokrasi
- C Harta menjadi milik bersama
- D Takhta berdasarkan warisan

25 Maklumat berikut merupakan cerita lisan dalam masyarakat Melayu tradisional

Anjing dengan bayang-bayang

Apakah nilai moral dalam cerita tersebut?

- A Sabar dalam kehidupan
- B Jauhi perkara yang ditegah
- C Bijak membuat keputusan
- D Jangan bersifat tamak

- 26 Antara berikut yang manakah menunjukkan ciri-ciri sistem madrasah sebagai sistem pendidikan formal di Tanah Melayu?
- I Mempunyai sukanan pelajaran
 - II Mempunyai batasan waktu
 - III Dilaksanakan secara kumpulan
 - IV Dilaksanakan secara kelas
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 27 Bagi tujuan melicinkan pentadbiran di pelabuhan, kerajaan Melaka telah mewujudkan jawatan
- A Temenggung
 - B Nakhoda
 - C Syahbandar
 - D Laksamana
- 28 Mengapakah muncul golongan baron pada Zaman Gelap di Eropah?
- A Kemasuhan kuasa pusat
 - B Keruntuhan sistem feudal
 - C Kekuatan pengaruh orang gasar
 - D Kongkongan gereja dalam masyarakat
- 29 Mengapakah orang Eropah tidak dapat berdagang ke Timur Jauh pada Zaman Pertengahan?
- A Tidak mahir ilmu pelayaran
 - B Pedagang Islam menguasai laut Mediterranean
 - C Tiada galakan daripada pemerintah
 - D Bersikap taklid kepada ajaran gereja
- 30 Apakah kepentingan perjanjian di bawah?
- Perjanjian Tordesillas telah ditandatangani oleh Sepanyol dan Portugal pada tahun 1494
- A Bermulanya perang antara Portugal dan Sepanyol
 - B Sepanyol muncul sebagai kuasa besar
 - C Portugis berhak ke atas Amerika Latin
 - D Kawasan pengaruh Portugal dan Sepanyol ditetapkan

31 Mengapakah tuan tanah mendesak Parlimen Inggeris meluluskan Akta Pemagaran Tanah?

- A Para petani dapat memiliki tanah
- B Para petani boleh menyewa tanah
- C Pemilikan tanah awam dapat dijual beli
- D Pertanian dapat dijalankan untuk perdagangan

32 Maklumat berikut berkaitan penguasaan pemodal Eropah dalam sektor perlombongan bijih timah di Tanah Melayu

Tahun	Pemodal Eropah
1910	22%
1930	63%
1937	68%

Mengapakah keadaan itu berlaku?

- A Pengurangan modal
- B Pengenalan kapal korek
- C Pengharaman kongsi gelap
- D Peningkatan kemasukan buruh

33 Apakah cara-cara kemasukan buruh China ke Tanah Melayu?

- I Sistem pengambilan rumah kongsi
 - II Sistem buruh bebas
 - III Sistem kontrak
 - IV Sistem pengambilan kakitangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

34 Mengapakah pihak British memperkenalkan Enakmen Tanah Padi 1917?

- A Mengelakkkan orang Melayu sebagai golongan petani
- B Memberi perlindungan kepada tanah orang Melayu
- C Melarang orang Melayu menanam kelapa sawit
- D Mengelakkkan tanah orang Melayu berpindah milik

35 Apakah kesan sistem pendidikan vernakular di Tanah Melayu pada zaman penjajah?

- A Peningkatan golongan intelektual
- B Penghapusan buta huruf di Tanah Melayu
- C Kesukaran mewujudkan perpaduan bangsa
- D Peningkatan pegawai tadbir tempatan

36 Negara-negara di Asia Tenggara merasakan mereka mampu mengalahkan kuasa Barat.

Perasaan ini muncul kesan daripada

- A kejayaan Filipina mengusir Sepanyol.
- B kemunculan golongan berpendidikan Barat.
- C keupayaan Jepun mengalahkan China dan Rusia
- D kemampuan Thailand mengekalkan kemerdekaannya

37 Apakah peranan utama karya di bawah kepada masyarakat di Asia Tenggara?

Karya Kesusasteraan	<ul style="list-style-type: none">• <i>Noli Me Tangere</i>• <i>Kerikil-kerikil Tajam</i>• <i>Putera Gunung Tahan</i>
---------------------	--

- A Membangkitkan semangat nasionalisme
- B Melahirkan golongan celik huruf
- C Mencetuskan minat membaca
- D Menambah koleksi buku

38 Apakah tujuan Belanda memberikan pendidikan hanya kepada anak golongan priyayi di Indonesia?

- A Mengekalkan status
- B Mendapat sokongan
- C Memantapkan institusi
- D Memecahkan perpaduan

39 Sebelum kedatangan Perancis, golongan Mandarin mengetuai setiap birokrasi di Vietnam.

Bagaimakah golongan tersebut dilantik?

- A Permuafakatan penduduk setempat
- B Mencurah bakti kepada negara
- C Cadangan daripada bangsawan
- D Pencapaian dalam peperiksaan

40 Apakah kesan daripada Revolusi Thai yang berlaku pada tahun 1932?

- A Sistem raja berkuasa mutlak tamat.
- B Thai memperolehi kemerdekaannya
- C Pengaruh golongan bangsawan merosot.
- D Ekonomi Thai dikuasai penduduk tempatan.

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAN KECEMERLANGAN
SPM 2015

**Skema
BK 1**

SEJARAH

DIBIAYAI OLEH
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

SULIT

**PERATURAN PEMARKAHAN
Peperiksaan TOV 2015**

Kertas 1

No.Soalan	Jawapan	No.Soalan	Jawapan
1	D	21	A
2	B	22	C
3	A	23	B
4	C	24	A
5	A	25	D
6	B	26	B
7	D	27	C
8	B	28	A
9	D	29	B
10	A	30	D
11	D	31	D
12	C	32	B
13	B	33	B
14	C	34	A
15	B	35	C
16	D	36	C
17	C	37	A
18	A	38	D
19	C	39	D
20	C	40	A

**BAHAN KECEMERLANGAN
SPM 2015**

BK 1

SEJARAH

KERTAS 2

Nama:.....

Kelas:.....

NAMA: TINGKATAN:

NO. KAD PENGENALAN

A horizontal row of 15 empty square boxes for drawing.

ANGKA GILIRAN

A horizontal bar consisting of ten rectangular segments arranged side-by-side. The first seven segments are white, while the last three segments are filled with a light gray color.

BAHAN KECEMERLANGAN 1 (TOV) TAHUN 2015

SEJARAH SPM

1249/2

Kertas 2

Foto 2
Februar

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka gilliran anda pada ruangan yang disediakan.
 2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
 3. Jawab semua soalan di Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.
 4. Jawapan bagi Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan
 5. Jawapan bagi Bahagian B hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
 6. Ceraikan Bahagian B daripada kertas soalan ini. Ikat buku jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
Jumlah		100	

SEJARAH

Bahagian A
(40 markah)
Jawab Semua Soalan

- 1 Tamadun Hwang Ho yang muncul daripada kesuburan tanah di Hwang Ho telah memberi pelbagai sumbangan kepada dunia hingga kini.

- a) Namakan dua dinasti beraja yang terdapat dalam tamadun China.

(i)

(ii)

[2 markah]

- b) Tamadun Hwang Ho telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang pertanian.

Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

.....

.....

[2 markah]

- c) Bidang pertanian memberi sumbangan yang penting dalam meningkatkan kemajuan negara Malaysia

Berikan penjelasan anda.

.....

.....

.....

[3 markah]

- d) Kegemilangan sesebuah tamadun berlaku dalam sejarah.

Pada pendapat anda mengapakah keadaan tersebut berlaku?

.....


.....

.....

[3 markah]

SEJARAH

- 2 Rajah berikut berkaitan dengan dua jenis pendidikan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu.



- a) Senaraikan dua ciri pendidikan tidak formal di Tanah Melayu

(i)

(ii)

[2 markah]

- b) Apakah fungsi istana dalam masyarakat Melayu tradisional?

.....
.....

[2 markah]

- c) Bagaimanakah sistem pendidikan di madrasah dijalankan?

.....
.....

[2 markah]

- d) Nyatakan dua ciri sistem pendidikan pondok yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional.

(i)

(ii)

[2 markah]

- e) Pada pandangan anda mengapakah pendidikan tidak formal diperlukan oleh masyarakat hari ini?

.....
.....

[2 markah]

SEJARAH

- 3 Penjelajahan dan penerokaan merupakan kegiatan para pelaut Eropah mencari laluan baru di lautan luas bagi membolehkan mereka menuju ke Timur.
- (a) Apakah faktor yang mendorong kegiatan penerokaan dan penjelajahan orang Eropah ke Timur ?
.....
.....
..... [2 markah]
- (b) Namakan seorang tokoh pelayar yang terkenal pada zaman penjelajahan ini.
.....
..... [1 markah]
- (c) Nyatakan kesan penjelajahan kuasa Eropah terhadap masyarakat tempatan?
.....
.....
..... [2 markah]
- (d) Apakah kebaikan yang diperolehi dengan adanya sikap ingin meneroka atau menjelajah ke dunia luar?
.....
.....
..... [2 markah]
- (e) Sebagai generasi muda yang cinta akan negara, apakah tindakan anda bagi mengelak hasil negara kita daripada dikuasai Barat?
.....
.....
..... [3 markah]

4

Apabila kuasa-kuasa Barat menguasai Asia Tenggara, sistem birokrasi Barat telah diperkenalkan bagi memantapkan lagi kuasa mereka.

- (a) Senaraikan ciri-ciri umum sistem Birokrasi Barat yang diperkenalkan di Asia Tenggara.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Bagaimakah penjajah Sepanyol melaksanakan pentadbiran di Filipina?

.....

.....

[2 markah]

- (c) Berikan dua perubahan yang diperkenalkan oleh kuasa Barat dalam sistem pemerintahan tradisional tempatan di Indonesia.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (d) Apakah langkah British dalam memperkenalkan sistem birokrasi di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu?

.....

.....

[2 markah]

- (e) Pada pandangan anda, apakah kesan pengenalan sistem birokrasi Barat terhadap kuasa pemerintahan dan pentadbiran tradisional negara yang dijajah?

.....

.....

[2 markah]

SEJARAH

Bahagian B

(60 markah)


Jawab tiga soalan sahaja daripada bahagian ini

- 5 Zaman peningkatan tamadun India telah memperlihatkan perkembangan dalam bidang ekonomi dan pendidikan.
- (a) Terangkan peningkatan kegiatan ekonomi yang telah dicapai dalam tamadun India. [6 markah]
- (b) Tamadun India telah mencapai kemajuan dalam bidang sistem pendidikan.
- Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. [4 markah]
- (c) (i) Terdapat sebilangan rakyat Malaysia yang masih tidak mengutamakan kemajuan dalam bidang pendidikan
Pada pendapat anda, mengapakah keadaan itu berlaku? [4 markah]
- (ii) Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memajukan ekonomi negara.
Sejauh manakah usaha tersebut berkesan untuk meningkatkan ketamadunan bangsa dan negara Malaysia. [6 markah]
- 6 Agama Hindu Buddha telah mempengaruhi kerajaan awal di Asia Tenggara dalam beberapa aspek antaranya bidang pemerintahan dan bidang kesenian khususnya seni bina.
- (a) Jelaskan pengaruh Hindu Buddha dalam pemerintahan kerajaan awal di Asia Tenggara [6 markah]
- (b) Mengapakah candi penting kepada masyarakat kerajaan awal? [4 markah]
- (c) (i) Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah warisan seni bina perlu dikekalkan. [6 markah]
- (ii) Pada pandangan anda, apakah akan berlaku sekiranya bidang kesenian dan kesusasteraan di negara kita tidak dimajukan? [4 markah]
- 7 Piagam Madinah merupakan perlumbagaan bertulis yang dirangka oleh Nabi Muhammad SAW pada tahun 622 M berpandukan wahyu Allah.
- (a) Terangkan kandungan Piagam Madinah. [8 markah]
- (b) Jelaskan kepentingan Piagam Madinah. [7 markah]
- (c) Mengapakah perlumbagaan yang mantap penting kepada sesebuah negara? [5 markah]

SEJARAH

- 8 Islam telah membawa pengaruh yang besar dalam bidang ekonomi dan gaya hidup di Asia Tenggara.
- (a) Jelaskan pengaruh agama Islam terhadap bidang ekonomi di Asia Tenggara. [6 markah]
- (b) Islam telah mempengaruhi gaya hidup masyarakat di Asia Tenggara. Buktikan pernyataan tersebut. [6 markah]
- (c) (i) Apakah nilai-nilai Islam yang boleh diamalkan untuk membentuk keharmonian masyarakat? [4 markah]
- (ii) Sebagai warganegara yang cintakan negara, jelaskan persiapan yang anda mesti lakukan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara Islam yang terulung di dunia? [4 markah]

9



- (a) Jelaskan pengaruh Islam dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran di Tanah Melayu? [8 markah]
- (b) Jelaskan ciri-ciri Adat Perpatih dalam masyarakat Melayu di Negeri Sembilan? [7 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah peranan adat dalam masyarakat Melayu tradisional? [5 markah]

- 10 Kesan dasar ekonomi British di Tanah Melayu telah meninggalkan kesan terhadap aspek pembangunan fizikal dan aspek sosial.

- (a) Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya proses pembandaran. [6 markah]
- (b) Sejauh manakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan British untuk mengawal wabak penyakit di Tanah Melayu? [4 markah]
- (c) (i) Adakah kemajuan perbandaran di negara kita telah mendatangkan kesan buruk. Berikan pendapat anda. [4 markah]
- (ii) Walaupun taraf hidup semakin meningkat, semakin ramai rakyat Malaysia pada hari ini menghidap pelbagai jenis penyakit.
- Mengapakah keadaan tersebut berlaku? [6 markah]

SEJARAH

- 11 (a) Gerakan nasionalisme di Thailand berbeza daripada gerakan nasionalisme yang berlaku di negara lain di Asia Tenggara.
Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. [4 markah]
- (b) Mengapakah Thailand berjaya mengekalkan kemerdekaannya berbanding negara-negara lain di Asia Tenggara? [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan ciri-ciri nasionalisme yang perlu anda amalkan sebagai warganegara yang patriotik. [6 markah]
- (ii) Sebagai pemimpin generasi masa depan, berikan cadangan anda agar kedaulatan negara dapat dikekalkan? [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAN KECEMERLANGAN
SPM 2015

**Skema
BK 1**

SEJARAH

DIBIAYAI OLEH
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

SULIT

BAHAN KECEMERLANGAN 1 (TOV) SPM 2015

1249/2(PP)

SEJARAH

KERTAS 1 DAN 2

Peraturan Pemarkahan

Februari

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 20 halaman bercetak termasuk kulit

1249/2(PP)

[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT

**PERATURAN PEMARKAHAN
Peperiksaan TOV 2015**

Kertas 1

No.Soalan	Jawapan	No.Soalan	Jawapan
1	D	21	A
2	B	22	C
3	A	23	B
4	C	24	A
5	A	25	D
6	B	26	B
7	D	27	C
8	B	28	A
9	D	29	B
10	A	30	D
11	D	31	D
12	C	32	B
13	B	33	B
14	C	34	A
15	B	35	C
16	D	36	C
17	C	37	A
18	A	38	D
19	C	39	D
20	C	40	A

SOALAN STRUKTUR

I(a)	Namakan dua dinasti beraja yang terdapat dalam tamadun China	
Kod	Butiran	Markah
F1	Dinasti Hsia	1
F2	Dinasti Shang	1
F3	Dinasti Chou	1
F4	Dinasti Ching	1
F5	Dinasti Chin	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2 m]

(b)	Tamadun Hwang Ho telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang pertanian.	
	Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.	
Kod	Butiran	Markah
F1	Pembinaan sistem pengairan	1
F2	Terusan dibina untuk mengairi kawasan pertanian/untuk mengelakkan banjir	1
F3	Kemajuan teknologi pembajakan	1
F4	Mengawal aliran sungai Hwang Ho agar tidak memudaratkan pertanian	1
F5	Penciptaan cangkul	1
F6	Penciptaan sabit	1
F7	Penggunaan batas	1
F8	Perubahan penggunaan alat pertanian daripada kayu kepada besi	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2 m]

(c)	Bidang pertanian memberi sumbangan yang penting dalam meningkatkan kemajuan negara Malaysia	
	Berikan penjelasan anda.	
Kod	Butiran	Markah
H1	Meningkatkan ekonomi negara	1
H2	Meluaskan pasaran negara	1
H3	Meningkatkan pendapatan rakyat / negara	1
H4	Membuka peluang pekerjaan	1
H5	Membekalkan bahan makanan	1
H6	Menjamin pertukaran wang asing	1
H7	Taraf hidup rakyat meningkat	1
H8	Kemajuan negara berterusan	1
	Mana-mana jawapan yang munasabah	
	[Mana-mana 3 x 1m]	[3 m]

(d)	Kegemilangan sesebuah tamadun berlaku dalam sejarah.	
	Pada pendapat anda mengapakah keadaan tersebut berlaku?	
Kod	Butiran	Markah
H1	Kebijaksanaan pemimpin	1
H2	Kekuatan angkatan tentera	1

H3	Mempunyai politik yang stabil	1
H4	Pentadbiran yang mantap	1
H5	Rakyat hidup bersatu-padu	1
H6	Kemajuan bidang ekonomi	1
H7	Kemajuan teknologi	1
H8	Kedudukan strategik	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	
	[Mana-mana 3 x 1m]	[3 m]

2(a)	Senaraikan dua ciri pendidikan tidak formal di Tanah Melayu	
Kod	Butiran	Markah
F1	Pendidikan awal atau asuhan keluarga	1
F2	Menekankan pengajaran nilai-nilai moral	1
F3	Dipelajari melalui pendengaran, penglihatan dan pemerhatian	1
F4	Melalui kaedah bercerita- cerita binatang dan jenaka	1
F5	Melalui pergaulan social- pantang larang dan adat istiadat	1
F6	Disampaikan melalui pantun, peribahasa dan teka -teki	
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2 m]

(b)	Apakah fungsi istana dalam masyarakat Melayu tradisional?	
Kod	Butiran	Markah
F1	Pusat pengajian agama	1
F2	Tempat ulama mengajar agama	1
F3	Tempat ulama bertemu dan berbincang hal agama	1
F4	Tempat mengembangkan ilmu tasawuf	1
F5	Tempat menyimpan buku-buku hikayat	1
F6	Tempat mempelajari ilmu politik dan pentadbiran	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2 m]

(c)	Bagaimanakah sistem pendidikan di madrasah dijalankan ?	
Kod	Butiran	Markah
F1	Diperkenalkan oleh Bani Saljuk di Iraq	1
F2	Berdasarkan sukanan pelajaran	1
F3	Dilaksanakan secara kelas	1
F4	Pendidikan mengikut tahap	1
F5	Tahap permulaan, pertengahan dan pengkhususan	1
F6	Diawasi oleh mudir iaitu guru besar	1
F7	Diselia oleh sebuah lembaga, jawatankuasa kewangan	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2 m]

(d)	Nyatakan dua ciri sistem pendidikan pondok yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional.	
Kod	Butiran	Markah
F1	Dilaksanakan secara teratur	1
F2	Penekanan kepada ilmu keagamaan	1
F3	Menyediakan pelajar untuk bertugas sebagai guru agama dan untuk masyarakat	1

F4	Meluas di Kedah, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Pattani	1
F5	Tidak mempunyai batasan waktu	1
F6	Mengambil masa yang lama untuk menamatkan pengajian	1
[Mana-mana 2 x 1m]		[2 m]

(e)	Pada pandangan anda mengapakah pendidikan tidak formal diperlukan oleh masyarakat hari ini?	
Kod	Butiran	Markah
F1	Menanamkan nilai-nilai murni	1
F2	Mengekalkan kemahiran tradisional	1
F3	Menghormati orang tua	1
F4	Melahirkan masyarakat yang bermoral	1
F5	Membasmi gejala sosial	1
F6	Melahirkan masyarakat yang bersopan santun (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1
[Mana-mana 2 x 1m]		[2 m]

3 (a) Apakah faktor yang mendorong kegiatan penerokaan dan penjelajahan orang Eropah ke Timur?

Kod	Butiran	Markah
F1	Kejayaan sains dan teknologi	1
F2	Penguasaan Istanbul oleh Turki menyebabkan orang Eropah mencari laluan alternatif ke Timur	1
F3	Sikap berani dan optimistik	1
F4	Desakan ekonomi	1
F5	Semangat keagamaan	1
F6	Ingin mendapatkan emas / sutera / rempah ratus	1
F7	Galakan pemerintah seperti Raja Sepanyol dan Raja Portugal	1
F8	Saling bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan	1
F9	Semangat kebanggaan bangsa	1
F10	<i>Gold / glory / gospel</i>	1
[Mana-mana 2 x 1m]		[2 m]

(b) Namakan seorang tokoh pelayar yang terkenal pada zaman penjelajahan ini.

Kod	Butiran	Markah
F1	Christopher Columbus	1
F2	Ferdinand Magellan	1
F3	Vasco da Gama	1
[Mana-mana 1 x 1m]		[1 m]

(c) Nyatakan kesan penjelajahan kuasa Eropah terhadap masyarakat tempatan?

Kod	Butiran	Markah
F1	Penguasa tempatan terpaksa membuat perjanjian dengan wakil kuasa Eropah	1
F2	Penguasa tempatan mengiktiraf kekuatan kuasa Eropah	1
F3	Daerah di luar Eropah menjadi pembekal keperluan masyarakat Eropah	1
F4	Pusat emporium dunia seperti Goa dan Melaka dikuasai Portugal	1
F5	Barangan dari Timur memperkayakan ekonomi Eropah	1
F6	Jalan perdagangan utama dunia dikuasai Portugal	1
F7	Masyarakat di Timur terpengaruh gaya hidup Eropah	1
F8	Masyarakat pribumi menerima agama Kristian	1

F9	Penghapusan tamadun lama contohnya Aztec / Inca	1
F10	Penghijrah beramai-ramai orang Sepanyol ke Amerika Latin	1
F11	Mengeksploitasi buruh pribumi	1
F12	Berlaku penjajahan (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2 m]

(d) Apakah kebaikan yang diperolehi dengan adanya sikap ingin meneroka atau menjelajah ke dunia luar?

Kod	Butiran	Markah
F1	Menambahkan ilmu	1
F2	Melihat keadaan / kemajuan / kesusahan tempat lain	1
F3	Menambah pengalaman	1
F4	Memperluaskan dan merangsangkan minda	1
F5	Membuat perbandingan dengan negara kita	1
F6	Membentuk jiwa yang kental dan berani	1
F7	Mengenali kaum / dunia luar	1
F8	Mempelajari peradaban / teknologi negara luar	1
F9	Memperkenalkan kaum dan negara kita ke dunia luar	1
F10	Meletakkan Malaysia setanding negara maju	1
F11	Semangat inkiri (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2 m]

(e) Sebagai generasi muda yang cintakan negara, apakah tindakan anda bagi mengelak hasil negara kita daripada dikuasai Barat ?

Kod	Butiran	Markah
F1	Kita sendiri memanfaatkan / menggunakan hasil negara	1
F2	Waspada campurtangan kuasa asing	1
F3	Memproses sendiri bahan mentah	1
F4	Membentuk pakatan ekonomi yang kukuh dalam negara serantau	1
F5	Berfikiran kreatif dan inovatif	1
F6	Mengeluarkan dan membeli barang tempatan	1
F7	Mengukuhkan / menstabilkan pentadbiran negara	1
F8	Mengadakan dasar perlindungan barang penduduk tempatan	1
F9	Meluaskan pasaran dalam negara	1
F10	Memperketatkan peraturan hak milik saham / perlesenan asing (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 3 x 1m]	[3 m]

4 (a) Senaraikan ciri-ciri umum sistem Birokrasi Barat yang diperkenalkan di Asia Tenggara.

Kod	Butiran	Markah
F1	Penubuhan Kerajaan Pusat hasil penyatuan wilayah-wilayah di tanah jajahan	1
F2	Perlantikan Gabenor Jeneral sebagai ketua pentadbir di tanah jajahan	1
F3	Pelaksanaan pentadbiran melalui biro/jabatan	1
F4	Pelantikan pegawai Barat sebagai ketua Biro	1
F5	Pengenalan undang-undang Barat	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]

(b) Bagaimanakah penjajah Sepanyol melaksanakan pentadbiran di Filipina?

Kod	Butiran	Markah
F1	Sepanyol/penjajah memperkenalkan sistem pentadbiran berpusat	1
F2	Gabenor Jeneral sebagai pemerintah tertinggi peringkat pusat	1
F3	Pentadbiran wilayah diketuai Ketua Datuk Bandar	1
F4	Pentadbiran bandar diketuai Gabenor Kecil	1
F5	Pentadbiran pada peringkat tempatan dilaksanakan di bawah sistem Encomienda	1
F6	Diketuai oleh Encomiendero	1
F7	Tugas Encomiendero menjaga keamanan / mengutip cukai / mengkristiankan penduduk	1
F8	Sistem ini dibenci kerana mengenakan cukai yang tinggi / menjalankan kerahan tenaga	1
F9	Daerah-daerah kecil /barangay digabungkan/disatukan.	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]

(c) Berikan dua perubahan yang diperkenalkan oleh kuasa Barat dalam sistem pemerintahan tradisional tempatan di Indonesia.

Kod	Butiran	Markah
F1	Belanda/penjajah membahagikan pentadbiran kepada dua	1
F2	Terdapat pentadbiran pusat dan pentadbiran tempatan	1
F3	Pentadbiran pusat diketuai Gabenor Janeral	1
F4	Pentadbiran tempatan dikendalikan oleh pembesar tempatan dengan pengawasan pegawai Belanda	1
F5	Penjajah juga menubuhkan jabatan-jabatan baru	1
F6	Terdapat juga Dewan Tempatan bertindak sebagai penasihat pentadbiran Belanda	1
F7	Penubuhan Volksraad yang merupakan Majlis Rakyat .	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]

(d) Apakah langkah British dalam memperkenalkan sistem birokrasi di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu?

Kod	Butiran	Markah
F1	Memperkenalkan sistem Residen	1
F2	Memperkenalkan sistem Penasihat	1
F3	Tugas Residen dan Penasihat ialah menasihati Sultan dalam semua perkara kecuali dalam agama Islam dan adat istiadat Melayu	1
F4	Memperkenalkan sistem kehakiman Barat	1
